



Rujukan Kami : USM.JB.SP.B.G.2/2021

Tarikh : 30 Jun 2021

Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan/Unit

Semua Kampus
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021
GARIS PANDUAN PEMBELIAN TERUS SECARA ATAS TALIAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2021: Garis Panduan Pembelian Terus Secara Atas Talian Di Universiti Sains Malaysia sebagai panduan kepada semua warga Universiti dalam melaksanakan pembelian terus secara atas talian.

3. Pekeliling ini adalah **berkuat kuasa mulai 1 Julai 2021**. Disertakan bersama pekeling berkaitan untuk makluman dan rujukan YBhg.Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hantar melalui email ke infopelehan@usm.my.

Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua di bawah seliaan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(KAMARUL ARIFFIN NGAH)
Bendahari

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan & Inovasi

Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021
GARIS PANDUAN PEMBELIAN TERUS SECARA ATAS TALIAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

s.k. Timbalan Naib Canselor
Kelestarian Dan Pembangunan Institusi

Pengarah
Kampus Kesihatan

Pengarah
Kampus Kejuruteraan

Pendaftar

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Ombudsman

Pengarah
Pusat Perancangan Institusi dan Strategik

Pengarah
Pembangunan Korporat Strategik



SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021

**GARIS PANDUAN PEMBELIAN TERUS
SECARA ATAS TALIAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

TARIKH DIKELUARKAN:

1 Julai 2021

Diedarkan kepada:
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021:
GARIS PANDUAN PEMBELIAN TERUS SECARA ATAS TALIAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1. TUJUAN

- 1.1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan tentang Garis Panduan Pembelian Terus Secara Atas Talian Di Universiti Sains Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kaedah perolehan ini merupakan salah satu mod perolehan yang berkuat kuasa di Universiti Sains Malaysia. Ianya juga di kategorikan di bawah kaedah perolehan secara pembelian terus.
- 2.2. Pembelian secara atas talian merupakan kaedah pembelian yang popular pada masa kini. Di antara laman web pembelian atas talian yang terkenal dan dipercayai serta mendapat sambutan di Malaysia adalah *LAZADA*, *Shopee*, *Mudah.com*, *Lelong.com*, *eBay*, *Amazon* dan sebagainya.

3. GARIS PANDUAN

- 3.1. Tatacara pembelian terus secara atas talian **bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan, pengurusan, perundingan dan pengkomersilan** adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- a) **Pembelian adalah terhad kepada nilai sehingga RM3,000 sahaja bagi setiap unit** barang termasuk caj penghantaran. Pembelian barang terpakai tidak dibenarkan sama sekali;
 - b) Pembelian item berpusat tidak dibenarkan pembeliannya di bawah kaedah ini:
 - i. Senarai Item-item Kontrak Pusat (**Lampiran 1**) atau yang dikuatkuasa; dan
 - ii. Senarai Item Kontrak Panel Berpusat (**Lampiran 2**) atau yang dikuatkuasa.

- c) **Pembelian aset (vot 35000) adalah tidak dibenarkan.** Ianya masih memerlukan penggunaan kaedah perolehan konvensional iaitu pembelian menggunakan pesanan belian (PO). Contoh pembelian aset adalah seperti berikut:
- i. Komputer/ Komputer Riba/ Tablet
 - ii. Pencetak
 - iii. Televisyen
 - iv. Projektor
 - v. Penghawa dingin
- d) **Perbandingan harga mesti disediakan bagi pembelian melebihi nilai RM1,000** dengan membandingkan sekurang-kurangnya tiga (3) sebutharga termasuk sebutharga melalui penyedia perkhidmatan pembelian atas talian dan disimpan untuk rekod;
- e) PTJ/ Jabatan diminta untuk melantik dan menamakan seorang pegawai yang khas untuk mengesahkan permohonan dan penilaian spesifikasi;
- f) Pemohon hendaklah bertanggungjawab terhadap pembelian yang dipesan dan hendaklah menepati spesifikasi yang diperlukan. Kriteria pemilihan pembekal haruslah mempunyai kemudahan pengembalian wang (*refund*);
- g) **Penggunaan kad korporat PTJ/ Jabatan tidak dibenarkan** sama sekali;
- h) PTJ/ Jabatan disyor untuk membuat perancangan perolehan dan dilarang memecah-kecil perolehan;
- i) Peruntukan kewangan hendaklah mencukupi bagi setiap pembelian;
- j) **Permohonan pembelian hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Ketua PTJ/ Jabatan;**
- k) **Pembelian hendaklah menggunakan kad kredit/ kad debit staf sendiri atau bayaran perbankan secara atas talian yang lain dan hendaklah dilaksanakan selepas permohonan pembelian diluluskan oleh Ketua PTJ/ Jabatan;**
- l) Dokumen permohonan pembelian yang telah diluluskan hendaklah dilampirkan dengan tuntutan bayaran imbuhan;

- m) Tuntutan bayaran imbuhan dibenarkan selepas semua syarat dipatuhi, dan bekalan atau perkhidmatan disempurnakan. Tuntutan bayaran ini akan diproses tidak lebih dari 14 hari bermula dari tarikh serahan dokumen lengkap kepada pihak Jabatan Bendahari;
- n) Pihak Jabatan Bendahari akan menghubungi pemohon jika memerlukan maklumat tambahan seperti bukti gambar;
- o) Sekiranya terdapat kos berkaitan duti/ cukai kastam, ianya juga boleh dituntut bersekali dengan tuntutan bayaran imbuhan. Jika duti/ cukai kastam yang dikenakan ini menyebabkan nilai perolehan melebihi RM3,000, kelulusan khas Bendahari adalah diperlukan;
- p) Kaedah Perolehan ini khusus kepada pembelian terus secara atas talian, ia melibatkan semua kumpulan wang termasuk sumber dalaman **kecuali** Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pembangunan (RMK);
- q) Semua urusan pembelian atas talian hendaklah menggunakan mata wang Ringgit Malaysia sahaja.

4. TARIKH KUAT KUASA

- 4.1. Garis Panduan Pembelian Terus Secara Atas Talian Universiti Sains Malaysia ini **berkuat kuasa mulai 1 Julai 2021.**

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL ARIFFIN NGAH)

Bendahari
30 Jun 2021

Jadual 1

SENARAI ITEM-ITEM KONTRAK PUSAT

BIL	ITEM	NAMA SYARIKAT	SPESIFIKASI/ KADAR HARGA	TELEFON PEGAWAI MOF 03-8882
1.	Perkhidmatan Poslaju	Lampiran 1	Lampiran A – Lampiran F	8898/4093/3278
2.	Sampul Surat	Lampiran 2	Jadual I – Jadual II	8862/4285/3245
3.	<i>High Density Polyethylene (HDPE) Fittings</i>	Lampiran 3	Jadual I – Jadual II	8862/4285/3245
4.	Alat Pemadam Api Mesra Alam <i>Aerohub® Aerosol Fire Suppression System</i> Dan <i>1MY22Y Clean Agent Fire Suppression System</i>	Lampiran 4	Lampiran A	8862/4285/3245
5.	Peluru Senjata Laras Kecil Dan <i>Alat Pyrotechnics</i>	Lampiran 5	Jadual I – Jadual II	8862/4285/3245
6.	Perisian Microsoft (MLA 3.0)	Lampiran 6	Digugurkan	8861/4025
7.	Kertas A4 Putih 80 gsm	Lampiran 7	Jadual I – Jadual IV	8898/4093/3278

KONTRAK PANEL BERPUSAT**LATAR BELAKANG**

1. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat Kementerian Kewangan adalah berasaskan penjimatan di dalam Perolehan Kerajaan dengan berpandukan kepada lima (5) prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, ketelusan, persaingan terbuka, nilai faedah terbaik dan adil dan saksama serta mengambil kira Dasar Keutamaan Bumiputera, program bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk dasar-dasar semasa Kerajaan.

2. Senarai item Kontrak Panel Berpusat yang berkuat kuasa adalah seperti berikut:

i. Item yang dikekalkan:

Bil.	Item	Tempoh Kontrak
a.	Perabot Berasaskan Kayu	1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2021
b.	Perabot Jenis <i>Polypropylene</i>	
c.	Perabot Logam	
d.	Katil Besi Setingkat dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit)	
e.	Perabot Pejabat Kerusi Berasaskan Kain	
f.	Perabot Rotan	
f.	Ayam	1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021

ii. Item Digugurkan Secara Serta Merta Mulai 1 Januari 2018:

Bil.	Item	Tempoh Kontrak	Catatan
a.	Bas Penumpang Berhawa Dingin Pelbagai Casis	1 Julai 2016 hingga 31 Disember 2017	Item digugurkan mulai 1 Januari 2018 dan perolehan seterusnya diuruskan oleh Agensi masing-masing mengikut tatacara perolehan semasa yang sedang berkuat kuasa berdasarkan Garis Panduan seperti di Jadual 1, Lampiran 2, 3 dan 4.
b.	Tilam dan Bantal Jenis <i>High Resilient Foam</i>		
c.	<i>Integrated Light & Sound System (ILSS)</i>		

3. Bagi item-item selain di atas, Agensi boleh melaksanakan sendiri secara Kontrak Panel Berpusat diperingkat Agensi. Agensi hendaklah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat Agensi. Garis Panduan tersebut hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi dan dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.